

TARIKH: 3/6/23
SURAT KHABAR: Berita Harian
MUKA SURAT: 7

KSM rancang ubah sektor 3D kepada pekerjaan berpendapatan tinggi

Shah Alam: Kementerian Sumber Manusia (KSM) mahu mengubah sektor kotor, bahaya, sukar (3D) kepada pekerjaan berpendapatan tinggi, sekali gus mengurangkan kebergantungan buruh asing dalam bidang terbabit.

Ketua Setiausaha KSM, Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkata bagi merealisasikan hasrat itu, mereka yang terbabit dalam sektor berkenaan perlu berterusan menimba ilmu, khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk mengumpul pengalaman serta pengetahuan menjadi pekerja berkemahiran tinggi.

"Untuk buat perkara itu (mengurangkan kebergantungan buruh asing) kita kena berlatih dan sektor TVET (dalam negara) menyediakan pelbagai latihan,"

katanya selepas merasmikan seminar TVET Pemangkin Pembentukan Malaysia MADANI sempena Hari TVET Negara 2023 yang disambut setiap 2 Jun, di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), semalam.

Mereka yang terlatih dalam sektor TVET mempunyai produktiviti kerja lebih tinggi berbanding pekerja bukan daripada bidang itu, selaras dengan hasrat negara yang menyasarkan 35 peratus pekerja Malaysia dalam kalangan berkemahiran tinggi menjelang 2030.

"Secara tidak langsung negara kita tidak akan bergantung kepada pekerja asing dalam bidang 3D, khususnya dengan jumlah pekerja asing seluruh negara setakat ini mencecah hampir 1.5 juta," katanya. BERNAMA

*Berita Harian
ms 7 3/6/23*